



SIARAN MEDIA

MBOT DAN PERKESO TANDATANGAN MOU KERJASAMA DENGAN PERKESO BAGI MEMPERKASA PELUANG PEKERJAAN DENGAN MEMBERI PENGIKTIRAFAN KEPADA TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK

ISNIN, 13 FEBRUARI 2023

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI 2023 - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memperkasa peluang pekerjaan dengan memberi pengiktirafan kepada teknologis dan juruteknik di Malaysia, yang dijangka bakal memanfaatkan industri dan jutaan pekerja.

Ini kali pertama MoU seumpama itu dimeterai oleh kedua-dua MBOT dan PERKESO, yang didapati amat signifikan dan diperlukan bagi memberi wajah baharu kepada sektor pekerjaan di negara ini selari dengan hasrat Kerajaan dan keperluan di kedua-dua peringkat tempatan dan global.

MBOT, yang ditubuhkan pada tahun 2015 dengan tujuan untuk memartabatkan industri dan para teknologis dan juruteknik, telah diwakili oleh Presidennya, Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir manakala PERKESO pula Dato' Sri Mohammed Azman bin Aziz Mohammed, Ketua Pegawai Eksekutif.

Majlis bersejarah ini telah disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia pada Majlis Pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya Myfuturejobs 2023 pada Sabtu, 11 Februari 2023.

Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah berkata, sebagai sebuah badan profesional, MBOT senantiasa komited untuk menyumbang dalam penambahbaikan ekosistem tenaga kerja negara dan pembangunan kebolehpasaran program.

Justeru itu, kata beliau, salah satu agensi penting yang perlu dibantu dan diberi sokongan ialah PERKESO.

“Oleh itu, pemeteraian kerjasama ini merupakan satu inisiatif MBOT untuk meningkatkan ketersediaan dan kebolehpasaran bakat-bakat teknologi dan teknikal tempatan terutama dalam kalangan ahli MBOT.

“Dengan penglibatan secara aktif bersama PERKESO menerusi Portal Pekerjaan Kebangsaan MYFutureJobs, MBOT akan memainkan peranan untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahlinya mengenai penempatan pekerjaan dan padanan kerjaya dalam pelbagai bidang,” kata beliau mengulas MoU yang ditandatangani itu.

Kata beliau, selain mengiktiraf para teknologis dan juruteknik, MBOT terus mengorak langkah meningkatkan pendaftaran dengan mengadakan pelbagai inisiatif, antaranya kunjungan hormat, memeterai MoU dan penyebaran maklumat di semua peringkat. Sehingga Januari 2023, lebih 67,000 teknologis dan juruteknik telah mendaftar dengan MBOT, sekali gus menunjukkan penerimaan dalam kalangan pemegang taruh semakin baik.

“MBOT mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada PERKESO yang mengorak langkah untuk memberi pengiktirafan kepada teknologis dan juruteknik di bawah PERKESO dengan sokongan dan bimbingan MBOT,” kata beliau.

Karnival Kerjaya MYFutureJobs yang diadakan dari 11 hingga 12 Februari 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) telah menghimpunkan sebanyak 100 majikan pelbagai sektor industri dari seluruh negara yang bakal menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan sasaran seperti lepasan sekolah, graduan, Orang Kelainan Upaya (OKU), profesional dan lain-lain.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf, mengawal, menggalak dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion iktisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

t.nabila@mbot.org.my

+603-8800 6268/+6017-798 2604